

Beberapa sifat orang yang miskin jiwa

UB 29/6/2011 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

DALAM kesibukan menjalankan pelbagai aktiviti, sedar tak sedar enam bulan pertama tahun 2011 telah kita lalui. Ada yang merasakan hidup ini semakin laju, masa beredar dengan begitu pantas dan usia juga semakin bertambah. Ada juga sesetengah orang tidak merasai apa-apa pun, malah mengikut saja apa yang berlaku setiap hari. Malah merasakan malas untuk berfikir tentang masa depan sendiri, malah untuk menggunakan daya imaginasi pun sukar. Golongan itu merupakan golongan pemalas dan miskin jiwanya kerana tidak mahu berusaha gigih dan bertanding dengan orang lain. Tidak mempunyai tujuan hidup. Apabila diberikan nasihat atau tunjuk ajar golongan berkenaan tidak mahu memperbaiki kelemahan diri sendiri dan tidak bersifat realistik. Golongan ini seolah-olah sudah mati nafsu untuk menambahkan pengetahuan dalam hidup, malah perkataan membaca tidak ada dalam kamus

hidup mereka.

Sedang dalam agama Islam sendiri juga mahu umat manusia supaya sentiasa bekerja dan beramal dan ini sudah cukup untuk memberikan dorongan yang kuat kepada seseorang itu berusaha meningkatkan amalannya ke tahap yang lebih tinggi supaya amalannya menjadi cemerlang dan mendapat ganjaran yang setimpal, malah ganjaran yang berlipat ganda.

Alah SWT menyifatkan orang-orang mukmin di dalam surah al-mukminin sebagai "mereka yang berlumba-lumba mencari kebaikan, dan merekalah orang-orang yang berada di hadapan" iaitu merupakan golongan orang-orang yang mendahului golongan lain dalam mencapai kebaikan. Untuk berlumba dan bersaing dengan orang lain mencari kebaikan ini, orang Islam tentulah perlu mempunyai sifat-sifat rajin berusaha dan berfikir serta bersikap positif dan bersungguh-sungguh mencari jalan bagi mendapatkan kebaikan.

Implikasi daripada kemalasan itu akan memberikan mereka fenomena kemiskinan jiwa dan ia juga akan menjadi punca utama

seorang atau sesuatu bangsa itu mundur. Kemiskinan boleh menjadi rintangan tetapi bukannya penghalang kemajuan. Oleh sebab itu kemiskinan boleh diubah sekiranya pemikiran adalah selari dengan tindakan. Sekiranya ada kemahuan tetapi tidak ada daya tindak maka semunya adalah angan-angan yang entah bila akan tercapai impian. Namun sekiranya anda ada angan-angan dan ada daya tindak maka anda akan mencapai apa yang diangankan. Dengan cara itu anda akan lebih maju dan bersedia ke depan. Dalam mengejar apa yang diingini pelbagai ilmu perlu diperolehi untuk membentuk daya tindak. Ilmu tidak akan datang bergolek sebaliknya perlukan bahan bacaan.

Pada tahun 2008 Jabatan Statistik Negara telah mengumumkan bahawa kadar literasi atau celik huruf rakyat Malaysia adalah tinggi berbanding negara Asia Tenggara lain. Berdasarkan kepada statistik itu, ia menunjukkan kadar literasi rakyat negara ini yang berumur 15 tahun ke atas ialah 93.2 peratus. Ia merupakan satu kejayaan kepada negara. Justeru itu dalam mendapatkan

ilmu pengetahuan maka perlulah rajin membaca. Bangsa yang rajin membaca adalah bangsa yang berilmu dan maju. Malah Nabi juga diajar pada peringkat awal pelantikannya sebagai Nabi dan Rasul oleh Allah telah mengutuskan Malaikat Jibril untuk mengajar Nabi Muhammad SWT supaya membaca, banyak kali diminta untuk membaca dan dari itulah diturunkan surah Al-Alaq kerana dengan cara membaca sahaja manusia akan lebih bijak dan lebih berilmu pengetahuan. Namun bagi masyarakat zaman ini sepatutnya lebih bijak mengambil bahan bacaan sama ada berbentuk akademik, sosial, ekonomi dan sebagainya.

Ilmu sekarang hanya di hujung jari dan segala maklumat dapat dicapai dalam masa yang singkat. Masyarakat zaman sekarang sepatutnya lebih bijak mengatur hidup supaya lebih berilmu dengan menggunakan teknologi terkini untuk mendapatkan manfaat yang berguna bukan sekadar melayari internet untuk ruangan sembang semata-mata ataupun halaman sosial seperti facebook, twitter, yahoo messenger dan sebagainya.

Kelekaan untuk melayari laman sosial juga akan memendekkan masa untuk mendapatkan bahan yang berguna bagi makanan rohani. Tanpa makanan rohani jiwa manusia akan kosong dan lemah tidak bertenaga.

Justeru itu kelekaan itu akan menghambat diri untuk lebih jumud dalam berfikir dan berdaya tindak. Lantaran itu akan berlaku kemiskinan jiwa dalam mengatur kehidupan yang sepatutnya lebih maju dan cemerlang, dek kerana leka dengan internet yang tidak memberikan impak yang positif dan leka melayari laman sosial maka hiduplah di dalam angan yang tidak berpenghujung. Oleh yang demikian latihlah diri anda untuk mendapatkan bahan bacaan yang berguna daripada internet dan gunakan laman sosial untuk menjana kewangan dan berfaedah untuk kehidupan. Justeru itu biarlah hidup menghambat kemajuan, jangan kemajuan menggari hidup dan menyusahkan diri kelak.

*** Penulis adalah Pegawai Psikologi/Ketua Sekretariat HEPA, Universiti Malaysia Sabah**